

Kita tidak akan kendali trafik udara dikawal Singapura — PM

UM 27 APR 2002

ALOR SETAR 26 April — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia tidak akan mengendalikan sendiri kawalan trafik udara di beberapa bahagian negara yang ketika ini dikawal oleh Singapura.

Beliau berkata ini disebabkan tidak ada keperluan segera untuk Malaysia berbuat demikian.

“Kita tidak fikir pada masa sekarang untuk memiliki radar sendiri bagi tujuan itu.

“Walaupun Singapura mengendalikan kawalan trafik udara itu tetapi syarikat penerbangan perlu juga membayar

kepada Malaysia. Tanpa perlu melabur membeli peralatan itu, kita tetap mendapat pulangan,” katanya pada sidang media selepas merasmikan penutupan Minggu Saham Amanah Malaysia di sini.

Dr. Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai surat yang ditulis oleh juruterbang Kapten Adnan Rashid dalam ruangan pembaca di akhbar *New Straits Times* hari ini yang menceritakan pengalamannya terpaksa mendapatkan kebenaran daripada Singapura bagi menukar haluan penerbangan dari Kertih ke Johor Baharu.

Menurut Adnan, laluan biasa memerlukan beliau terbang melalui Pekan, Mersing dan seterusnya ke Johor Baharu tetapi pada hari itu beliau memutuskan untuk gunakan laluan singkat terus ke Johor Baharu.

Laluan

Adnan yang menghubungi menara kawalan Kuantan untuk mendapatkan kebenaran menggunakan laluan singkat itu diberitahu yang beliau perlu mendapatkan kebenaran pihak pengawal trafik udara Singapura terlebih dahulu untuk tujuan itu.

“Walaupun saya mendapat kebenaran daripada Singapura, tetapi kenyataannya saya terpaksa mendapatkan kebenaran agensi negara lain bagi penerbangan dalam negara sendiri,” kata Adnan.

Adnan berkata, semua kapal terbang awam dan tentera yang terbang daripada Kuala Lumpur ke Kuching dan Kota Kinabalu juga berada di bawah kawalan trafik udara Singapura.

Menjawab soalan lain, Dr. Mahathir berkata, kerajaan boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pemim-

■ Lihat muka 4

Kita tidak akan kendali trafik udara di kawal Singapura — PM

pin pembangkang yang mengkafirkan pemimpin lain tetapi rakyat mestilah menyokong tindakan itu.

“Rakyat mestilah tidak menentang tindakan kerajaan itu dengan menimbulkan huru-hara, tunjuk perasaan dan sebagainya,” katanya ketika diminta mengulas mengenai tindakan pemimpin pembangkang yang menuduh pemimpin kerajaan sebagai kafir. — Bernama